

**GAYA PERTAUTAN DAN MOTIVASI PELAJAR, SERTA  
PENGAJARAN DAN BIMBINGAN GURU PENDIDIKAN  
ISLAM TERHADAP PEMBELAJARAN TERARAH  
KENDIRI (PTK) PELAJAR**

**MUHAMAD SUHAIMI BIN TAAT**



**TESISINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011**

**GAYA PERTAUTAN DAN MOTIVASI PELAJAR, SERTA  
PENGAJARAN DAN BIMBINGAN GURU PENDIDIKAN  
ISLAM TERHADAP PEMBELAJARAN TERARAH  
KENDIRI (PTK) PELAJAR**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2011**

**PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**
**BORANG PENGESAHAN STATUS  
TESIS**

**JUDUL:** \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

**IJAZAH:** \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

**SAYA:** \_\_\_\_\_ **SESI PENGAJIAN:** \_\_\_\_\_  
 (NAMA PENULIS DALAM HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian, pembelajaran, penyelidikan dan pemeliharaan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat pendigitasian
5. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana Penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh:

\_\_\_\_\_  
 TANDATANGAN PENULIS\_\_\_\_\_  
 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat tetap:

 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_
\_\_\_\_\_  
 (NAMA PENYELIA)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan :- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 September 2011

---

Muhamad Suhaimi bin Taat  
PT20078306



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **MUHAMAD SUHAIMI BIN TAAT**

NO. PELAJAR : **PT20078306**

TAJUK : **GAYA PERTAUTAN DAN MOTIVASI PELAJAR, SERTA  
PENGAJARAN DAN BIMBINGAN GURU PENDIDIKAN  
ISLAM TERHADAP PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI  
(PTK) PELAJAR**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH**



TARIKH VIVA : **13 SEPTEMBER 2011**



### **PENYELIA**

PROF. MADYA DR. HJ. MOHD YUSOF BIN ABDULLAH

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat Allah SWT yang telah membekalkan saya dengan kesihatan, kekuatan, dan semangat untuk belajar, dan seterusnya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya hanya dengan izin Allah yang Maha Esa maka akhirnya dapatlah disiapkan tesis ini setelah melalui pelbagai proses dan perjalanan yang penuh dengan suka dan duka.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Hj. Mohd Yusuf bin Abdullah selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, motivasi, dan tunjuk ajar sehingga siapnya tesis ini. Kesabaran, kesungguhan, dan ketulusan beliau dalam melaksanakan proses penyeliaan tanpa mengira masa, tempat, dan tenaga akan saya abadikan. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Profesor Dr. Mahzan Arshad, Profesor Madya Dr Naimah Yusoff, Profesor Madya Dr. Shuki Osman, Dr. Murnizam Khalik, dan Dr. Suyansah Swanto di atas kesudian menyemak instrumen kajian bagi tujuan pengesahan kandungan mengikut kepakaran masing-masing. Terima kasih juga kepada Profesor Dr Mohamad Sahari Nordin kerana telah memberikan saya pendedahan awal berkaitan analisis SEM/AMOS. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan staf SPPS dan individu-individu yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung hingga selesainya tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, dan pengetua-pengetua sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Begitu juga kepada rakan-rakan guru Pendidikan Islam di sekolah terlibat yang telah memberikan bantuan ketika kajian dilaksanakan. Seterusnya, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pelajar yang telah terpilih sebagai responden kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik semasa kajian rintis dan juga kajian sebenar.

Buat kedua ibu bapa tercinta (Ayahanda Taat bin Yatim dan Bonda Zaharah binti Hairuddin), doa, pengorbanan, dan dorongan demi kejayaan anakmu ini akan dikenang sepanjang hayat. Tidak lupa juga dengan insan tersayang dan dikasihi iaitu isteri (Juriany Jefferi Ho) dan anak-anak (Aisyah Fatihah, Muhamad Faezulhakim, dan Muhamad Fikrilhakim), dan juga adik-beradik yang telah banyak memberikan dorongan dan doa, malah telah berkorban dan bersabar untuk menanti kejayaan ini. Kalian semua merupakan sumber inspirasi dan motivasi dalam proses pembelajaran ini yang telah mencapai noktahnya.

Akhir kalam, sekali lagi diucapkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT yang di atas limpahan rahmat dan barakahNya, kerana tanpa izinNya tidak mungkin kejayaan ini dapat dikecapi. Sesungguhnya segala kebaikan dan kelebihan itu datangnya daripada Allah SWT, dan segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam kajian ini adalah datangnya daripada diri penyelidik yang masih lagi belajar dan akan terus belajar, seperti mana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud ‘tuntutlah ilmu daripada buaian sehingga ke liang lahad’. Semoga kajian yang sedikit ini akan dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang membacanya.

## **SENARAI KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN / SIMBOL</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	2
1.3    Pernyataan Masalah	16
1.4    Objektif Kajian	25
1.5    Soalan Kajian	26
1.6    Hipotesis Kajian	26
1.7    Kepentingan Kajian	27
1.8    Batasan Kajian	31
1.9    Definisi Operasional	33
1.9.1.    Gaya Pertautan	33
1.9.2.    Proses Pengajaran	35
1.9.3.    Bimbingan Guru	37
1.9.4.    Pendidikan Islam	38



1.9.5	Motivasi	41
1.9.6	Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	43
1.10	Rumusan	45
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>		
2.1.	Pendahuluan	47
2.2.	Gaya Pertautan	47
2.2.1.	Model Dalaman	48
2.2.2.	Situasi Asing	50
2.2.3.	Klasifikasi Gaya Pertautan Dewasa	52
2.3.	Proses Pengajaran	59
2.3.1.	Kejelasan Pengajaran	63
2.3.2.	Penggunaan Soalan	64
2.3.3.	Kepelbagaiannya Pengajaran	66
2.3.4.	Penglibatan Pelajar	67
2.3.5.	Pemantauan dan Maklum balas	67
2.3.6.	Pengajaran Guru Pendidikan Islam	70
2.4.	Bimbingan Guru	76
2.4.1.	Bimbingan Guru Pendidikan Islam	80
2.5.	Motivasi	83
2.5.1	Teori Motivasi	86
2.5.2.1	Teori Motivasi Bersifat Keperluan	89
2.5.2.2	Teori Motivasi bersifat Proses	91
2.5.2	Motivasi Intrinsik	92
2.5.2.1	Teori Keazaman Kendiri	94
2.6	Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	100
2.6.1	Teori dan Model Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	101
2.6.1.1	Model Grow	104
2.6.1.2	Model Brockett dan Hiemstra	105
2.7	Teori Sosiologi Pendidikan	108
2.8	Kerangka Kajian / Model Hipotesis	114
2.9	Rumusan	115

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	116
3.2	Reka bentuk Kajian	116
3.3	Lokasi Kajian	117
3.4	Sampel Kajian	118
	3.4.1 Menentukan Saiz Sampel	121
3.5	Instrumen Kajian	122
	3.5.1 Instrumen Gaya Pertautan	124
	3.5.2 Instrumen Proses Pengajaran	127
	3.5.3 Instrumen Bimbingan Guru	129
	3.5.4 Instrumen Motivasi	130
	3.5.5 Instrumen Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	132
3.6	Ujian Kenormalan Bagi Taburan Data Kajian Rintis	133
3.7	Prosedur Terjemahan	134
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	136
3.9	Prosedur Penganalisisan Data	136
	1.9.1 Statistik Perihalan	137
	1.9.2 Statistik Inferens	137
	1.9.2.1 MANOVA	138
	1.9.2.2 Korelasi Pearson	138
	1.9.2.3 Ujian Regresi Berganda	139
	1.9.2.4 Analisis Lintasan AMOS	142
3.10	Rumusan	144

## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	145
4.2	Kebolehpercayaan Alat Kajian	145
4.3	Demografi responden	147
	4.3.1 Taburan Lokasi Responden	147
	4.3.2 Taburan Jantina Responden	148
	4.3.3 Taburan Jenis Gaya Pertautan Responden	148

4.4	Dapatan Kajian Secara Deskriptif	149
4.5	Analisis Taburan Normal Data Kajian	152
4.6	Dapatan Berdasarkan Objektif Kajian	155
4.6.1	Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min variabel motivasi, proses pengajaran, bimbingan guru, dan pembelajaran terarah kendiri (PTK) mengikut jantina dan jenis gaya pertautan berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar).	155
4.6.2	Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara variabel gaya pertautan, motivasi, proses pengajaran dan bimbingan guru dengan pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar.	161
4.6.3	Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel gaya pertautan, proses pengajaran, dan bimbingan guru terhadap motivasi pelajar.	164
4.6.4	Mengenal pasti sama ada terdapat pengaruh yang signifikan variabel gaya pertautan, motivasi, proses pengajaran, dan bimbingan guru terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar.	167
4.6.5	Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan variabel gaya pertautan, motivasi, proses pengajaran, dan bimbingan guru terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar, dan mencadangkan model regresi variabel-variabel berkenaan.	171
4.7	Ringkasan Penemuan Kajian	177
4.8	Rumusan	180

## **BAB 5: PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	182
5.2	Perbezaan Variabel Gaya Pertautan, Motivasi, Proses Pengajaran, Bimbingan Guru, dan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	182
5.2.1	Gaya Pertautan	183
5.2.2	Motivasi	188
5.2.3	Proses Pengajaran	191
5.2.4	Bimbingan Guru	193
5.2.5	Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	195

5.3	Hubungan Antara Gaya Pertautan, Motivasi, Proses Pengajaran, dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar	197
5.4	Pengaruh Gaya Pertautan, Proses Pengajaran, dan Bimbingan Guru Terhadap Motivasi	201
5.5	Pengaruh Gaya Pertautan, Proses Pengajaran, Bimbingan Guru, dan Motivasi terhadap Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar	206
5.6	Pengaruh dan Hubungan Secara Langsung atau Tidak Langsung Gaya Pertautan, Motivasi, Proses Pengajaran, dan Bimbingan Guru Terhadap Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	214
5.7	Implikasi kajian	221
	5.7.1 Implikasi Terhadap Teori dan Model	221
	5.7.2 Implikasi Terhadap Penyelidikan	227
	5.7.3 Implikasi Terhadap Pengamalan	228
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	232
5.9	Penutup	234
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	237



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
Jadual 3.3.1	Taburan Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Daerah	118
Jadual 3.3.2	Taburan Bilangan Sekolah dan Responden Mengikut Kawasan	118
Jadual 3.4.1.	Sekolah Terpilih dan Jumlah Pelajar	121
Jadual 3.5.1.1	Taburan Item-item Bagi Instrumen Jenis Gaya Pertautan	125
Jadual 3.5.1.2	Analisis <i>CFA</i> Variabel Gaya Pertautan	125
Jadual 3.5.1.3	Nilai Alpha Cronbach Bagi Instrumen Gaya Pertautan	127
Jadual 3.5.1.4	Analisis <i>CFA</i> Variabel Proses Pengajaran	128
Jadual 3.5.1.5	Analisis <i>CFA</i> Variabel Bimbingan Guru	130
Jadual 3.5.1.6	Analisis <i>CFA</i> Variabel Motivasi	131
Jadual 3.5.1.7	Analisis <i>CFA</i> Variabel Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	132
Jadual 3.6.1	Nilai Kepencogongan dan Kurtosis Bagi Instrumen Kajian Rintis	134
Jadual 3.9.2.2.1	Jadual <i>Pearson</i> Kekuatan Korelasi	139
Jadual 4.2	Kebolehpercayaan Variabel	146
Jadual 4.3.1(a)	Bilangan dan Peratus Responden di Bandar	147
Jadual 4.3.2(b)	Bilangan dan Peratus Responden di Luar Bandar	148
Jadual 4.3.2	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	148
Jadual 4.3.3	Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Jenis Gaya Pertautan	149
Jadual 4.4.1	Keputusan Skor Min Bagi Setiap Variabel Kajian	150

Jadual 4.4.2	Analisis Deskriptif Perbandingan Skor Min Bagi Setiap Variabel Berdasarkan Lokasi	150
Jadual 4.4.3	Analisis Deskriptif Perbandingan Skor Min Bagi Setiap Variabel Berdasarkan Jantina	151
Jadual 4.4.4	Analisis Deskriptif Perbandingan Skor Min Bagi Setiap Variabel Bersandar Berdasarkan Jenis Gaya Pertautan	152
Jadual 4.5.1(a)	Keputusan Analisis Kenormalan Bagi Variabel Kajian	153
Jadual 4.5.1(b)	Keputusan Analisis Kenormalan Bagi Variabel Kajian	154
Jadual 4.6.1.1	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Jantina di Bandar	156
Jadual 4.6.1.2	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Gaya Pertautan di Bandar	157
Jadual 4.6.1.3	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Jantina di Luar Bandar	158
Jadual 4.6.1.4	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Jenis Gaya Pertautan di Luar Bandar	158
Jadual 4.6.1.5	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Jantina Secara Keseluruhan	159
Jadual 4.6.1.6	Perbezaan Skor Min Antara Variabel Bersandar Mengikut Gaya Pertautan Secara Keseluruhan	160
Jadual 4.6.2.1	Hubungan antara variabel bebas dengan variabel bersandar kajian di bandar	162
Jadual 4.6.2.2	Hubungan antara variabel bebas dengan variabel bersandar kajian di luar bandar	163
Jadual 4.6.2.3	Hubungan antara variabel bebas dengan variabel bersandar kajian secara keseluruhan	164
Jadual 4.6.3.1	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Proses Pengajaran dan Gaya Pertautan Selamat Terhadap Motivasi Pelajar di Bandar	165
Jadual 4.6.3.2	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Gaya Pertautan Selamat, Bimbingan guru, dan Gaya Pertautan Menolak Terhadap Motivasi Pelajar di Luar Bandar	166

Jadual 4.6.3.3	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Proses pengajaran dan Gaya Pertautan Selamat Terhadap Motivasi Pelajar Secara Keseluruhan	167
Jadual 4.6.4.1	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Motivasi, Gaya Pertautan Selamat, dan Bimbingan guru Terhadap Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar di Bandar	168
Jadual 4.6.4.2	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Motivasi, Proses pengajaran, Gaya Pertautan Menolak, dan Gaya Pertautan Selamat, Terhadap Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar di Luar Bandar	169
Jadual 4.6.4.3	Pekali Regresi <i>Stepwise</i> Motivasi, Proses pengajaran, Gaya Pertautan Selamat, dan Gaya Pertautan Menolak Terhadap Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar Secara Keseluruhan	170
Jadual 4.6.5.1	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model ( <i>GFI</i> ) Responden di Bandar	171
Jadual 4.6.5.2	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model ( <i>GFI</i> ) Responden di Luar Bandar	173
Jadual 4.6.5.3	Pengukuran Kebagusan Penyesuaian Model ( <i>GFI</i> ) Responden Secara Keseluruhan	175

## **SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Halaman</b>
Rajah 2.2.3.1	Jenis Gaya Pertautan Bartholomew	56
Rajah 2.2.3.2	Model Faktor Penyumbang Kepada Keupayaan Belajar Sendiri Borkowski dan Dukewich	58
Rajah 2.5.1	Urutan Elemen Asas Proses Motivasi	84
Rajah 2.5.2.1.1	Model SEM Kajian Ciri Pelajar dan Motivasi Pelajar Luar Bandar	98
Rajah 2.5.2.1.2	Model SEM Kajian Untuk Melanjutkan Pelajaran atau Berhenti Sekolah di Sekolah Tinggi	99
Rajah 2.6.1.1	Komponen Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	102
Rajah 2.6.1.1.1	Model Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Berperingkat Grow	104
Rajah 2.6.1.2.1	Model PRO Brockett dan Hiemstra	105
Rajah 2.7.1	Perspektif Teori Interaksionisme	109
Rajah 2.8.1	Model Konseptual Hubungan Antara Variabel Kajian	114
Rajah 4.6.5.1	Model Analisis Laluan Pengaruh Variabel Eksogenus Terhadap Variabel Endogenus Responden di Bandar.	172
Rajah 4.6.5.2	Model Analisis Laluan Pengaruh Variabel Eksogenus Terhadap Variabel Endogenus Responden di Luar Bandar.	174
Rajah 4.6.5.3	Model Analisis Laluan Pengaruh Variabel Eksogenus Terhadap Variabel Endogenus Responden Secara Keseluruhan.	176

## **SENARAI SINGKATAN / SIMBOL**

N	Bilangan subjek
Df	<i>Degree of freedom</i>
R	Nilai korelasi
Sig	Nilai signifikan
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
=	Sama dengan
%	Peratus
MS	<i>Mean Square</i>

SP


Sisihan Piawai



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
Lampiran B	Borang Soal Selidik
Lampiran C	Jadual Penentuan Saiz Sampel
Lampiran D	Senarai Panel Pengesahan Instrumen Kajian
Lampiran E	Analisis Data Kajian Sebenar



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## **ABSTRAK**

### **GAYA PERTAUTAN DAN MOTIVASI PELAJAR, SERTA PENGAJARAN DAN BIMBINGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PEMBELAJARAN TERARAH KENDIRI (PTK) PELAJAR**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat faktor gaya pertautan, motivasi, proses pengajaran dan bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar sekolah menengah di Sabah. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan, melibatkan seramai 407 orang pelajar dari kawasan bandar (zon Kota Kinabalu seramai 205 orang) dan luar bandar (zon Keningau seramai 202 orang). Kajian ini menggunakan instrumen empat jenis gaya pertautan yang dicadangkan oleh Bartholomew dan Horowitz (1991), dan Model Keupayaan Belajar Sendiri (Borkowski & Dukewich, 1996) sebagai model asas kepada kerangka kajian ini. Data kajian dianalisis menggunakan perisian *SPPS* Versi 15 dan *AMOS* Versi 4. Analisis data dilaksanakan secara deskriptif dan juga menggunakan analisis inferens (MANOVA, Korelasi *Pearson*, dan Regresi Berganda). Dapatkan utama kajian menunjukkan secara keseluruhannya terdapat pengaruh yang signifikan faktor variabel gaya pertautan Selamat, gaya pertautan Menolak, motivasi, dan proses pengajaran terhadap pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar. Analisis regresi berganda yang dijalankan menunjukkan motivasi adalah peramal utama kepada pembelajaran terarah kendiri (PTK) pelajar ( $\beta = 0.549$ ,  $R^2 = 0.301$ ,  $p = 0.001$ ). Analisis laluan model persamaan struktur (*SEM*) juga menunjukkan data yang digunakan dalam kajian ini mempunyai penyesuaian munasabah bagi model regresi yang dicadangkan. Justeru membuktikan keempat-empat variabel bebas tersebut mempunyai hubungan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung dengan variabel bersandar kajian iaitu pembelajaran terarah kendiri (PTK). Analisis korelasi *Pearson* pula menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif dan signifikan antara variabel-variabel kajian. Keputusan analisis MANOVA juga menunjukkan terdapatnya perbezaan skor min yang signifikan antara jantina pelajar bagi variabel bersandar di kawasan bandar sahaja. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara pelajar bandar dan luar bandar bagi variabel motivasi. Justeru adalah menjadi harapan agar kajian ini akan dapat memberikan input berguna bagi penambahbaikan sistem pendidikan kebangsaan.

## **ABSTRACT**

*The main purpose of this research was to investigate the influence of attachment style, motivation, teaching process and teacher guidance on the self directed learning among secondary students in Sabah. This quantitative survey research involved 407 students from urban area (205 from Kota Kinabalu Zone) and rural area (202 from Keningau Zone). This research used four types of Attachment Style developed by Bartholomew and Horowitz (1991), and Self Regulation in Learning (Borkowski & Dukewich, 1996), as the main platform for the research framework. Data was analysed using SPSS Version 15 and AMOS Version 4. Descriptive and inferential statistics were used to interpret and explain the data. The main finding demonstrated significant influence of independence variables which are Secure attachment style, Dismissing attachment style, motivation, and teaching process on the dependence variable which is self directed learning. The multiple regression analysis showed that motivation was the major influence on the student's self directed learning ( $\beta = 0.549$ ,  $R^2 = 0.301$ ,  $p = 0.001$ ). Moreover, path analysis of structural equation model (SEM) also showed that the regression model established fit with the data collected. Therefore, proved all four independence variables mentioned above were directly and indirectly correlated with the dependence variable. The Pearson correlation result showed that there was significant positive correlation among the variables involved. The MANOVA analysis indicated that there was significant difference between mean score of the dependence variable in relation of gender only at urban area. The findings also showed there was no significant difference between mean score of motivation in relation of location. It is hoped this research will be able to contribute valuable input for the enhancement of the national educational system.*



UNIVERSITI  
UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Proses pengajaran berkesan, bersifat menyeluruh dan komprehensif merupakan salah satu pra-syarat kepada kecemerlangan pendidikan di Malaysia (Abdul Rahman Aroff & Zakaria Kasa, 1995). Di samping proses pengajaran yang efektif di dalam bilik darjah, bimbingan serta interaksi yang berterusan oleh guru di luar bilik darjah merupakan elemen penting yang boleh membawa kepada kecemerlangan akademik seseorang pelajar. Guru merupakan agen terpenting dalam proses penyampaian ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar. Guru juga terlibat secara langsung dalam pembentukan sahsiah para pelajarnya (Jarvis *et al.*, 2003). Pelajar masa kini juga berhadapan dengan ledakan ilmu pengetahuan dan cabaran era globalisasi yang menuntut mereka untuk tidak hanya mengharapkan penerimaan ilmu pengetahuan dari guru semata-mata, malahan perlu kepada satu gaya pembelajaran di mana berupaya membantu mereka untuk terus maju dan berupaya merancang pembelajaran tanpa bergantung pada guru semata-mata iaitu pembelajaran terarah kendiri (PTK).

Pada masa kini, matlamat pendidikan di Malaysia seperti mana yang di aspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan empat komponen utama, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Secara amnya, matlamat pendidikan di negara kita mengutamakan pembentukan pelajar yang berketerampilan, seimbang dan berupaya mempertingkatkan ilmu serta kemahiran untuk membolehkan pelajar berubah, dan seterusnya bersaing dalam dunia sekarang yang penuh kompetitif. Justeru itu, baharulah sekolah boleh dinamakan sebagai agen yang berkesan dalam proses pembangunan modal insan dan masyarakat secara menyeluruh dan bersepadau (Sufean Hussin, 1996). Menurut Ahmad Mohd Salleh (1997) seiring dengan aspirasi tersebut, Falsafah Pendidikan Islam juga berusaha melahirkan individu yang salih, insan yang mempunyai

keseimbangan daripada segi kebendaan dan rohani, seterusnya warganegara yang beriman dan individu yang mengamalkan ajaran yang berasaskan agama. Oleh itu pelajar-pelajar yang bakal dilahirkan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam akan memiliki sifat-sifat terpuji seperti takwa, ikhlas, benar dalam tingkah laku dan seterusnya berusaha ke arah melahirkan insan yang berkeperibadian tinggi.

Antara objektif pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang boleh berdikari, berilmu pengetahuan, dan berkemahiran bagi memasuki alam pekerjaan suatu hari nanti. Objektif lain adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bersemangat tinggi untuk menggalakkan penyuburan dan perkembangan aspek jasmani, rohani, intelek, moral, dan estetika agar boleh menikmati hidup yang bermakna mengikut lunas-lunas agama dan sosial. Selain itu, guru yang berpengetahuan dari pelbagai bidang seperti pedagogi, sosiologi dan psikologi amatlah diperlukan untuk memastikan pengajaran berkesan dapat dilaksanakan. Natijahnya, dalam jangka masa panjang, perkembangan dan pembangunan modal insan yang diperlukan untuk pembangunan sosioekonomi dan politik negara pada generasi masa kini dan akan datang dapat direalisasikan (Sufean Hussin, 1996). Maka sudah tentulah motivasi pelajar merupakan satu elemen yang mustahak untuk diberikan perhatian kerana elemen tersebut adalah nadi penggerak kepada proses pembelajaran seterusnya, khususnya untuk membentuk pelajar yang bukan sahaja berupaya menerima pengajaran guru di dalam bilik darjah, malah juga berupaya untuk melaksanakan pembelajaran terarah kendiri (PTK) di luar bilik darjah sama ada di sekolah, di rumah atau di mana-mana sahaja (Pintrich, 2000).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sekolah merupakan salah satu institusi pendidikan formal di mana pelajar akan belajar, diajar, dididik dan diasuh dengan pelbagai ilmu dan kemahiran yang secukupnya sebelum mampu berinteraksi secara berkesan dengan masyarakat dan menjalani kehidupan sebagai seorang insan yang boleh diharapkan dan menjadi anak bangsa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Shaffe,

2005). Di sekolah, para pelajar sepertutnya menerima pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada guru melalui proses pengajaran yang dilaksanakan secara formal dan juga tidak formal. Pengajaran formal yang berlaku dalam bilik darjah sememangnya telah dijangka untuk dilaksanakan dengan satu urutan proses yang lengkap bermula daripada awal hingga ke akhirnya. Walau bagaimanapun, bimbingan guru terhadap pelajar di luar bilik darjah adalah sesuatu yang tidak formal dan tidak melalui satu proses yang sistematik. Perhubungan antara pelajar dengan guru khususnya dalam aspek bimbingan di luar bilik darjah amatlah penting kerana ia merupakan kesinambungan daripada apa yang telah di lalui di dalam bilik darjah (Amir Hassan, 2002).

Hakikatnya, proses pengajaran sama ada secara formal dan tidak formal, tidak akan berlaku dengan optimum jika individu yang bergelar pelajar tidak mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran daripada guru. Malah, keadaan akan menjadi lebih parah sekiranya nakhoda di dalam bilik darjah iaitu para guru, tidak menjalankan tugas mengajar secara bersungguh-sungguh dan menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian dan bertepatan dengan isi dan objektif pelajaran. Guru merupakan penggerak dan pendorong kepada semua proses pengajaran yang berlaku dalam kalangan pelajarnya sama ada di dalam atau di luar kelas. Kedua-dua peranan sebagai penggerak dan pendorong tersebut adalah penting dalam usaha membantu pelajar meningkatkan keinginan untuk meneroka alam akademik yang ada kalanya melampaui batasan keupayaan mereka untuk belajar terutamanya di zaman era globalisasi ini (Stephens, & Crawley, 2002).

Justeru, guru seharusnya menggunakan segala kemahiran mengajar yang ada untuk menarik minat pelajar, bukan sahaja untuk meneruskan proses pengajaran, malah untuk membantu pelajar melangkah batasan keupayaan agar dapat terus maju dalam bidang akademik dan ko-kurikulum. Implikasinya, sifat daya saing dapat dibina dan seterusnya meningkatkan kebolehan kendiri pelajar untuk terus maju dalam bidang yang diceburi. Menurut Noriah dan Nor Sakinah (2003), para pelajar akan dapat mengikuti proses pengajaran dengan lebih mudah jika tenaga pengajar yang mengajar prihatin terhadap perkembangan dan

keperluan semasa. Keprihatinan tersebut merangkumi sikap positif terhadap keupayaan pelajar, mengambil berat tentang kesejahteraan mereka, menunjukkan sikap penyayang, mempunyai sikap yakin diri dalam melakukan proses pengajaran, serta memahami bahawa proses pengajaran harus berlaku secara dua hala. Bernier *et al.*, (2005) menjelaskan gaya pertautan pelajar adalah berbeza dan sudah tentu akan mempengaruhi motivasi dan minat pelajar untuk mengikuti sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Jenis gaya pertautan yang dimiliki pelajar juga akan mempengaruhi hubungan dengan guru dan rakan-rakan sebayanya di sekolah.

Menurut Ismail (1999), interaksi guru khususnya guru Pendidikan Islam dengan pelajarnya akan dapat menggambarkan kesungguhan guru dalam membantu pelajar meneroka pengetahuan baru. Seterusnya dapat meningkatkan komitmen dan dedikasi serta kecekapan guru tersebut terhadap profesion yang diceburinya. Gaya pertautan memainkan peranan yang penting dalam proses berinteraksi antara pelajar dengan guru, dan antara pelajar dengan rakan sebayanya yang lain. Jenis gaya pertautan yang dimiliki seseorang pelajar dapat dilihat dan diukur, antaranya melalui soal selidik atau melalui paparan tingkah laku seseorang dengan persekitarannya. Sebagai contoh, seorang pelajar dikatakan mempunyai gaya pertautan yang positif jika mereka dapat menunjukkan sikap seperti berani bertanya, tidak takut melakukan kesilapan, serta belajar daripada kesilapan tersebut.

Guru juga sepatutnya akan sentiasa bersedia untuk membantu pelajar mereka belajar melalui kesilapan yang dilakukan. Guru-guru sedemikian dikatakan berkebolehan menyediakan tapak pembelajaran yang selamat dan kondusif untuk dialami pelajar semasa proses penerokaan pembelajaran (Noriah & Nor Sakinah, 2003). Tapak sedemikian digambarkan oleh Ainsworth (1989) sebagai *secure base* yang menjadi penggalak kepada pelajar untuk mahu terus mencuba meneroka pengetahuan dan kemahiran baharu walaupun dalam situasi yang agak asing atau baharu bagi pelajar. Grasha (1996), mencadangkan bahawa guru yang berkeyakinan mengajar akan lebih berminat untuk mewujudkan hubungan yang positif dan mesra dengan pelajar masing-masing. Guru sedemikian akan dapat

menjalankan proses pengajaran dengan lebih berkesan kerana dapat diterima oleh pelajar dengan baik.

Di samping itu, sebenarnya majoriti guru telah didedahkan dengan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk menarik perhatian pelajar dan menjadikan pengajaran lebih berkesan. Terdapat tiga jenis strategi yang biasanya diguna pakai, iaitu sama ada berpusatkan guru, berpusatkan pelajar, atau berpusatkan sumber (Sulaiman, 2001). Seterusnya daripada strategi yang telah dipilih itu, maka guru akan memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk diaplikasikan dalam sesuatu proses pengajaran. Pemilihan yang tepat adalah penting agar proses pengajaran yang dilaksanakan berkesan dan dapat menarik perhatian pelajar agar dapat menguasai sesuatu ilmu pengetahuan atau kemahiran yang disampaikan (Arends, 1998).

Menurut Dynan *et al.* (2008), selain daripada menerima ilmu dan kemahiran daripada guru secara pembelajaran formal, para pelajar juga amat digalakkan untuk melaksanakan pembelajaran terarah kendiri (PTK) iaitu mencari bahan berkaitan dengan sesuatu mata pelajaran yang diajar sama ada sebagai bahan utama (primer) atau sebagai bahan sampingan (sekunder). Selain itu, pelajar digalakkan untuk membuat perbincangan atau belajar secara kumpulan (*group learning /discussion*). Malahan inilah yang diketengahkan dalam pembelajaran bestari (*smart learning*) iaitu pembelajaran secara *self-access* atau *self-learning* dan *self-directed learning*, di mana guru berperanan sebagai fasilitator atau pemudah cara kepada pelajar dan bukan memberikan input seratus peratus di dalam bilik darjah iaitu pelajar bergantung sepenuhnya kepada guru (*spoon feeding*).

Para pelajar dituntut untuk memiliki sikap positif dan mempunyai motivasi diri yang tinggi semasa belajar khususnya terhadap semua mata pelajaran yang dipelajari di sekolah. Penguasaan dalam bidang akademik dan kokurikulum adalah penting agar pelajar yang akan dilahirkan kelak akan memiliki, menguasai, menghayati dan mengamalkan segala ilmu dan kemahiran yang diperlukan sebelum mereka memainkan peranan masing-masing dalam masyarakat (Bowman, 2007). Motivasi yang tinggi ini amat penting agar modal insan yang bakal dilahirkan nanti